

Dinamika, Persepsi dan Aspirasi Politik Belia Undi18 Sabah: Model Konseptual dan Kerangka Analisis

(The Political Dynamics, Perceptions, and Aspirations of Sabah's Undi18 Youth: A Conceptual and Analytical Framework)

Lai Yew Meng¹, Anantha Raman Govindasamy²
Budi Anto Mohd Tamring^{3*}

¹Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia.

Email: lyewmeng@ums.edu.my

²Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia.

Email: anan@ums.edu.my

³Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia.

Email: budi@ums.edu.my

ABSTRAK

CORRESPONDING

AUTHOR (*):

Budi Anto Mohd Tamring
(budi@ums.edu.my)

KATA KUNCI:

Undi18
Dinamika
Persepsi dan aspirasi politik
Belia
Politik elektoral
Sabah

KEYWORDS:

Undi18
Dynamics
Political perceptions and
aspirations
Youth
Electoral politics
Sabah

CITATION:

Lai, Y. M., Anantha, R. G., & Budi Anto Mohd Tamring. (2025). Dinamika, Persepsi dan Aspirasi Politik Belia Undi18 Sabah: Model Konseptual dan Kerangka Analisis. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 10(9), e003501. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v10i9.3501>

Sejarah baharu tercipta di Malaysia pada tahun 2019 apabila “Undi18” merupakan satu inisiatif bagi memperkukuh amalan demokrasi melalui penyertaan inklusif golongan belia dalam politik, yang telah membolehkan individu muda berusia 18 tahun ke atas untuk mengundi serta bertanding sebagai calon dalam pilihan raya. Kesan pelaksanaan “Undi18” telah membuka perdebatan tentang sejauh mana tahap kesedaran dan literasi politik serta penghayatan tentang peranan, hak dan tanggungjawab kewarganegaraan demokratik khususnya dalam kalangan golongan belia di Malaysia yang bakal mencorakkan hala tuju dan masa depan negara. Sehubungan dengan itu, makalah ini bermatlamat memperkenalkan suatu model konseptual dan kerangka analisis bagi menyelidik, mengenalpasti serta menelusuri persepsi, pandangan dan aspirasi politik yang menentukan trend, corak dan pola pengundian golongan belia ‘Undi18’ di Sabah. Secara spesifik, ia mencadangkan pengaplikasian suatu model yang berteraskan kepada beberapa teori/konsep politik dan politik elektoral (*electoral politics*) yang berkait rapat dan saling memperkukuh antara satu sama lain sebagai kerangka analisis. Model tersebut adalah bersandarkan kepada dua pembolehubah yang mewakili ketiga-tiga objektif kajian, yakni “dinamika”, “persepsi” dan “aspirasi” politik belia Undi18 di Sabah. Pembolehubah “dinamika” dan “persepsi” bertindak sebagai Pembolehubah Bebas (*Independent Variable*) yang merangkumi komponen dan konstruk berteraskan kelompok teori/konsep politik dan politik elektoral yang

cenderung mempengaruhi “aspirasi” ataupun keyakinan dan kecenderungan sokongan mahupun pilihan politik belia kohot Undi18 Sabah, yakni Pembolehubah Tetap (*Dependent Variable*) dalam model konseptual tersebut. Pembolehubah Bebas merangkumi lapan konstruk yang lazim dikaitkan dengan politik dan dinamika elektoral Malaysia, iaitu sentimen primordial, semangat kenegerian, hubungan Persekutuan-Negeri, budaya *patron-client*, pembangunan, isu sosio-ekonomi, penggunaan media, governan dan tadbir urus.

ABSTRACT

A new chapter in Malaysian electoral history was written in 2019 with the introduction of “Undi18,” a campaign aimed at empowering democratic practices by promoting inclusive political participation among youth. This initiative successfully enabled young Malaysians aged 18 and above to vote and stand as candidates in elections. The implementation of Undi18 sparked debates over the extent of political awareness, literacy, and appreciation for the roles, rights, and responsibilities of democratic citizenship, particularly among Malaysian youth who will shape the direction and future of the nation. This paper aims to introduce a conceptual model and analytical framework to explore, identify, and understand the dynamics, perceptions, and political aspirations influencing the trends, patterns, and voting behaviours of the Undi18 youth in Sabah. Specifically, it proposes the application of a model grounded in several interrelated and mutually reinforcing political and electoral politics theories/concepts as the analytical framework. The model is based on two variables representing the three objectives, namely, the political “dynamics,” “perceptions,” and “aspirations” of Undi18 youth in Sabah. The “dynamics” and “perceptions” variables function as Independent Variables, comprising components and constructs drawn from a cluster of political and electoral politics theories/concepts that are likely to influence the “aspirations” or the political confidence, support tendencies, and preferences of the Undi18 youth, which serves as the model’s Dependent Variable. The Independent Variables include eight constructs commonly associated with Malaysian politics and electoral dynamics: primordial sentiments, state nationalism, Federal-State relations, patron-client culture, development, socio-economic issues, media usage, governance, and administrative performance.

Sumbangan/Keaslian: Kajian ini menyumbang kepada literatur sedia ada berkenaan dengan politik elektoral dan belia Undi18 di Malaysia amnya, dan Sabah, khususnya. Ia turut menghasilkan suatu model konseptual dan kerangka analisis yang sui generis lagi relevan bagi mengkaji dinamika, sentimen dan aspirasi politik yang cenderung mempengaruhi pilihan politik belia Undi18 Sabah.

1. Pengenalan

Sejarah baharu terlakar di Malaysia pada 16 Julai 2019 apabila golongan muda dalam kategori bermula dengan umur 18 tahun telah diberikan kelayakan sebagai pengundi dan layak bertanding sebagai calon dalam pilihanraya di Malaysia. Rang Undang-Undang (RUU) Perlembagaan Persekutuan Malaysia (Pindaan) 2019 yang secara spesifik membawa kepada pindaan terhadap Perkara 119(1) dan penurunan had umur pengundi daripada 21 tahun ke 18 tahun adalah suatu yang dijangkakan rentetan agenda reformasi demokrasi pasca Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) yang telah membuka peluang dan memberikan kelonggaran mahupun kesempatan “baharu” kepada golongan belia untuk mengambil bahagian dan bergiat secara lebih aktif dalam politik negara. Menurut [Ismail, Adnan, dan Ishak \(2023\)](#), *pengiktirafan hak mengundi kepada belia yang berusia 18 tahun dan ke atas bertujuan “memberi peluang yang besar, ruang yang lebih luas serta spektrum politik yang lebih terbuka dalam mendengar suara mereka di pentas demokrasi yang lebih matang”* ([Ismail, Adnan, & Ishak, 2023](#)). Malah, peluang dan kesempatan yang diberikan tersebut bukan sahaja dilihat sebagai pengiktirafan kematangan politik generasi muda di Malaysia, tetapi turut sebagai terjemahan dinamika politik baharu yang bersandarkan perubahan lebih tuntas, holistik dan terangkum sifatnya.

Namun, di sebalik semangat optimisme yang berkaitan dengan perkembangan bersejarah tersebut, pindaan kepada Perkara 119(1) dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia yang membawa kepada penurunan umur pengundi kepada 18 tahun dan ke atas turut telah mencetuskan pelbagai naratif, persoalan dan pandangan berkaitan dinamika, persepsi dan aspirasi politik yang mempengaruhi kecenderungan pilihan dan keputusan politik yang bakal mewarnai corak serta pola pengundian golongan ini dalam pilihanraya. Malahan ramai penganalisis dan pemerhati politik Malaysia menggolongkan belia “Undi18” sebagai *“possible kingmaker”* memandangkan keputusan tersebut telah melayakkan lebih daripada 6.2 juta “pengundi kali pertama” yang bakal mengundi dan berupaya mengubah dinamika dan lanskap elektoral nasional secara mendadak ([Ismail, Adnan & Ishak, 2023](#); [Lim, 2021](#); [Sinar Harian, 2022](#)). Ini bukan sahaja disebabkan pertambahan jumlah pengundi yang amat signifikan tetapi turut disebabkan tanggapan bahawa golongan belia merupakan *“wildcard”* yang sukar diramal dan tidak semestinya digerakkan oleh dinamika politik tradisional seperti kaum dan agama mahupun budaya politik *patron-client* ([The Star, 2022a](#)).

Selain itu, timbul juga persoalan dan kerisauan dalam kalangan pemerhati politik tentang tahap literasi politik serta kesediaan golongan belia “Undi18” khususnya yang berusia 18-26 tahun dalam memikul peranan, tanggungjawab, hak, serta kewajipan mereka sebagai warga demokratik ([Aziz, 2023](#); [The Straits Times, 2022](#); [The Star, 2022b](#); [Azahar, 2022](#); [Lee, 2022](#); [Mohd Hed & Grasso, 2020](#)). Sesungguhnya, persoalan sedemikian bukan hanya eksklusif dalam konteks Malaysia, tetapi turut merupakan fenomena lazim di merata pelusok lanskap demokrasi global semasa. Walaupun penglibatan belia dalam politik dikenal pasti sebagai antara ciri terpenting dalam menjamin kelangsungan dan kesihatan amalan demokrasi ([Bakker & Vreese, 2011](#)), timbul keresahan tentang sejauh mana tahap dan keberkesanan penglibatan golongan ini di merata dunia akibat literasi politik dan minat mereka yang terhad terhadap politik, selain daripada sikap kurang peduli (*political apathy*) serta tahap kesedaran yang rendah tentang peri pentingnya penglibatan politik dalam mempengaruhi kehidupan seharian mereka ([Skoric & Poor, 2013](#)). Malahan, golongan belia cenderung dilihat sebagai *“being indifferent to civic engagement”* ([Mohamad et al., 2018](#)). Fenomena semasa belia dalam politik ini turut menyebabkan pengundi belia “Undi18” di Malaysia sering ditanggap sebagai golongan pengundi yang

kurang “*reliable*” dan kurang berpendirian tetap disebabkan kecelikan dan kematangan politik yang terhad.

Dalam konteks Sabah, pengundi belia dalam lingkungan umur 18-39 tahun ternyata sesuai dilabel sebagai “*kingmaker*” memandangkan golongan ini merangkumi 932,541 orang ataupun 55.2 peratus daripada jumlah keseluruhan pengundi berdaftar di Sabah seramai 1,689,387 orang (Jesselton Times, 2024). Menurut daftar pengundi Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) yang dikemas kini setakat bulan Ogos 2022, lebih kurang 600,000 orang daripada statistik tersebut termasuk 127,852 pengundi baharu kohot Undi18 (yakni yang berumur 18-20 tahun) yang telah didaftarkan secara automatik (Dzukify, 2022). Sementara Daily Express pula melaporkan seramai 485,939 daripada 5.7 juta pengundi baharu berumur 18 tahun adalah belia Sabah berdasarkan Daftar Pengundi Tambahan Pertama (*First Supplementary Roll*) (Daily Express, 2022; Welsh, 2023). Selain itu, menurut kajian James Chai, felo pelawat di Yusof Ishak Institute of Southeast Asian Studies (ISEAS), Sabah memiliki bilangan kawasan pilihan raya yang paling bersifat *youth-sensitive* (contohnya di Keningau, Papar, dan Libaran) berdasarkan kepada perkiraan jumlah pengundi belia (18-29 tahun) berbanding dengan majoriti undi kemenangan di setiap kawasan pilihan raya dalam pilihan raya yang lepas (Chai, 2022). Manakala dari segi tahap literasi politik pula, ramai belia Sabah didakwa memiliki tahap literasi politik yang rendah, bersikap “tidak peduli” untuk ambil tahu isu berkaitan politik dan tidak berminat untuk mengundi dalam pilihan raya umum (Santos, 2022). Menurut Abqaree Fawwaz Abekan, Presiden Majlis Belia Sabah (MBS), tahap literasi politik belia Sabah hanya berada di tahap 30 peratus sahaja, dan ini merupakan senario yang kurang memberangsangkan bagi kesihatan amalan demokrasi di Sabah (New Straits Times, 2022; Santos, 2022). Malahan, Presiden MBS turut merakamkan kebimbangan tentang sejauh mana pilihan/undi golongan belia Sabah dipengaruhi oleh unsur “politik wang” dalam bentuk *election goodies* akibat daripada literasi mereka yang terhad dalam politik (Chong, 2022; Tangit, 2021).

Justeru, selain daripada “*kingmaker*”, belia Sabah khususnya daripada kohot Undi18 turut sesuai dilabel sebagai “*wildcard*” (The Star, 2022a) kerana memiliki ciri-ciri lazim seperti tahap kesedaran dan literasi politik yang rendah serta sikap “tidak peduli” yang menyebabkan sentimen dan persepsi politik mereka cenderung dipengaruhi oleh elemen-elemen emotif yang *non-ideological* mahupun bukan-normatif atau *non-value-based* selain daripada kiblat/pendirian politik yang kurang menentu. Namun, dakwaan umum bahawa belia Sabah kurang peduli tentang politik disangkal oleh Marzuki, Mozihim dan Roslan (2021) yang menegaskan bahawa berlakunya “*youth awakening*” ketika PRN 2020 di Sabah dalam mana gerakan “Undi Sabah” yang dipacu oleh golongan belia berjaya mendapat *political traction*.

Sesungguhnya, keputusan Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15) mempamerkan trend dan pola pengundian Belia “Undi18” yang membuktikan kebenaran pandangan dan persepsi para pemerhati politik seperti yang dinyatakan. Ternyata jumlah pengundi yang keluar mengundi dalam kategori belia berumur 18-30 tahun di peringkat nasional adalah amat tinggi iaitu sebanyak 75.6 peratus (Muslim, 2023). Walau bagaimanapun, kecenderungan pilihan politik pengundi belia didakwa masih dipengaruhi oleh dinamika dan isu-isu elektoral tradisional yakni yang bersifat etnik dan agama sehinggakan timbulnya istilah fenomena “Gelombang Hijau” yang bercanggah dengan andaian bahawa pengundi muda lebih cenderung digerakkan oleh dinamika politik yang bersifat progresif seperti tadbir-urus yang baik, keterangkuman dan kepelbagaian (*multiculturalism*) serta isu-isu yang bersifat sejagat (Kathirasen, 2022; Muslim, 2023; MalaysiaKini, 2023). Sebaliknya, di

negeri Sabah pula, corak pengundian belia lebih cenderung dipengaruhi oleh isu-isu ekonomi dan pembangunan seperti kadar pendapatan yang rendah, kediaman mampu milik dan kos sara hidup yang kian meningkat berbanding dengan dinamika etno-agama ([The Star, 2022c](#); [2022d](#)).

Sehubungan dengan itu, terdapat keperluan kritikal bagi pelbagai pemegang taruh dalam ekosistem demokrasi Malaysia amnya, dan wilayah Sabah, khususnya, untuk mengenal pasti selain memahami pelbagai dinamika, persepsi dan kecenderungan aspirasi politik golongan belia, terutama sekali mereka yang berada di dalam kohot belia Undi18. Selain daripada tujuan *political expediency* bagi merancang strategi meraikan sokongan mahupun undi daripada katagori pengundi tersebut, dapatan kajian yang komprehensif ke atas dinamika-dinamika elektoral serta isu-isu yang cenderung mempengaruhi pemikiran, lensa persepsi dan aspirasi politik belia Undi18 di Sabah membuka peluang kepada pelbagai pihak berkepentingan untuk melaksanakan agenda *change, continuity* dan *consolidation* dalam pelbagai aspek kenegaraan bagi menyuburkan lagi amalan demokrasi di negara melalui penglibatan politik belia yang lebih dinamik, terang-kum, progresif dan bermakna.

2. Sorotan Literatur

Sorotan kajian lepas berkenaan dengan topik kajian boleh dibahagikan kepada tiga bahagian yang utama. Bahagian pertama melihat kepada penulisan-penulisan utama tentang dinamika elektoral, corak pengundian dan tingkah laku pengundi dalam kajian demokrasi secara umum dalam konteks Malaysia. Bahagian kedua dalam kajian lepas ini memberi fokus kepada penulisan yang penting tentang perkembangan dinamika elektoral dalam konteks Sabah. Bahagian akhir pula membincangkan kajian-kajian lepas yang utama yang mengkhusus kepada 'Undi18', penglibatan golongan muda dalam pilihan raya, persepsi dan aspirasi golongan belia/muda dalam perkembangan pilihan raya dan demokrasi di Malaysia. Penelitian kajian-kajian lepas yang sedia ada tentang perkembangan pilihan raya dan dinamika elektoral golongan 'Undi18' mendedahkan terdapat kelompangan dalam literatur yang berkaitan dengan penglibatan golongan belia/muda dalam pilihan raya dan amalan demokrasi di Malaysia, amnya, dan Sabah, khususnya.

2.1. Kajian lepas yang umum tentang perkembangan pilihan raya, dinamika elektoral dan demokrasi dalam konteks Malaysia.

Secara umumnya, penulisan tentang perkembangan pilihan raya dalam konteks Malaysia boleh dibahagikan kepada tiga kategori yang utama berdasarkan kepada hubungan pilihan raya dengan elemen demokrasi. Kategori pertama merupakan penulisan awal tentang pilihan raya dan perkembangan demokrasi di Malaysia sebelum 1969. Kategori kedua pula merupakan penulisan-penulisan tentang perkembangan pilihan raya dan demokrasi bermula pada 1970-an sehingga sebelum Pilihan Raya Umum yang ke-14 (PRU14). Sementara penulisan kategori ketiga bermula pada tahun 2018 hingga sekarang. Di setiap kategori ini, karya penulisan pilihan raya telah dibincangkan dalam tema-tema umum seperti sentimen primordial, *patron-client*, politik pembangunan, ekonomi-politik, semangat/personaliti politik kenegerian, hubungan kerajaan pusat-negeri dan isu tadbir-urus (*governance*). Tema-tema umum ini telah digunakan untuk memahami dinamika elektoral, corak pengundian dan tingkah laku pengundi dalam kajian pilihan raya di Malaysia.

Penulisan kategori pertama tentang perkembangan pilihan raya di Malaysia sebelum 1969, telah meletakkan harapan yang tinggi kepada Malaysia sebagai sebuah negara demokrasi di Asia Tenggara. Penulisan seperti [Vasil \(1965\)](#) dan [Milne \(1964\)](#) telah membincangkan secara khususnya perjalanan Pilihan Raya Umum 1964, di Malaysia dan mereka simpulkan bahawa perkembangan demokrasi berada di landasan yang betul dan Malaysia mampu muncul sebagai sebuah negara contoh demokrasi di Asia Tenggara. Walau bagaimanapun, pandangan ini mula berubah dalam Pilihan Raya Umum 1969, di mana [Milne dan Ratnam \(1974\)](#) berpendapat bahawa Pilihan Raya Umum 1969, merupakan titik hitam dalam perkembangan demokrasi dan hubungan kaum di Malaysia.

Karya-karya penulisan kategori kedua telah memberi tumpuan kepada perkembangan pilihan raya pada tahun 1970an, 1980an, 1990an dan sehingga sebelum Pilihan Raya Umum 2018. Dalam era ini, pilihan raya diibaratkan sebagai satu 'upacara' (*ceremonial*) untuk justifikasikan kuasa pemerintah yang sedia ada dan bukannya untuk membawa satu perubahan besar dalam proses demokrasi di Malaysia. Inilah yang menjadi hujah utama kepada penulis-penulis seperti [Jomo \(1996\)](#), [Crouch \(1996\)](#), dan [Mauzy dan Milne \(1999\)](#). Malah [Nadzri \(2018\)](#) berpendapat bahawa United Malay National Organisation (UMNO) telah menggunakan proses pilihan raya untuk muncul sebagai parti politik yang paling dominan dalam Barisan Nasional (BN). Kemuncaknya kepada kekuasaan UMNO dan BN adalah Pilihan Raya Umum 2004, dalam mana BN telah memperolehi 'kedudukan paling selesa' - lebih daripada dua-pertiga kerusi di Dewan Rakyat telah dimenangi oleh BN di bawah kepimpinan Abdullah Ahmad Badawi. Walaupun begitu, dalam Pilihan Raya Umum 2008 dan 2013, sokongan rakyat terhadap BN telah menurun secara mendadak, dalam mana BN telah hilang majoriti dua-pertiga di Dewan Rakyat buat pertama kali dalam sejarah pilihan raya di Malaysia selepas 1969. Penulisan seperti [Weiss \(2013\)](#) dan [Nadzri \(2018\)](#) berpendapat kemerosotan BN adalah akibat daripada penurunan kepercayaan golongan bukan Melayu dan tuduhan terhadap keterlibatan ahli-ahli politik BN dalam skandal rasuah telah mempengaruhi pola pengundian terhadap BN.

Karya-karya dalam penulisan kategori ketiga secara khusus telah melihat kepada Pilihan Raya Umum yang ke-14 dan Pilihan Raya Umum yang ke-15. Dua Pilihan Raya Umum ini telah menunjukkan bahawa era satu parti dominan dalam politik Malaysia sudah berakhir dan bermulalah era kerajaan parti campuran dalam politik Malaysia. [Hutchinson and Lee \(2019\)](#) berpendapat bahawa kekalahan mengejut BN dalam Pilihan Raya Umum yang ke-14 berpunca daripada sokongan masyarakat bukan Melayu dan masyarakat Melayu (bandar) kepada Pakatan Harapan (PH). Mereka menambah lagi kemenangan PH dalam Pilihan Raya Umum 2018 dilihat sebagai kemenangan masyarakat bukan Melayu dan mereka berpendapat isu-isu berkaitan kaum dan agama akan digunakan oleh parti-parti politik Melayu, khususnya UMNO and Parti Islam Se-Malaysia (PAS) untuk menarik balik sokongan masyarakat Melayu. Pandangan ini menjadi realiti dalam Pilihan Raya Umum 2022. [Wong \(2023\)](#) berpendapat kemunculan PAS sebagai parti Melayu-Islam yang dominan dalam politik Malaysia selepas PRU ke-15 adalah kerana parti politik itu berjaya menggunakan isu kaum dan agama untuk mempengaruhi golongan pengundi muda.

2.2. Dinamika elektoral dalam konteks Sabah

Dalam konteks Sabah pula, terdapat banyak penulisan yang telah menyentuh secara khusus tentang perkembangan pilihan raya di Sabah. Dalam hal ini, [Ongkili \(1992\)](#) berpendapat, seperti di Sarawak, perkembangan politik di Borneo Utara bermula dengan idea penubuhan Gagasan Malaysia. [Ongkili \(1992\)](#) juga berpendapat bahawa idea penubuhan Gagasan Malaysia telah menjadi asas kepada kemunculan penglibatan politik

bercorak perkauman dalam politik untuk mewakili dan melindungi kepentingan kaum mereka di Sabah. Ini juga menerangkan corak perkauman yang begitu menonjol dalam perkembangan semasa landskap politik di Sabah. Sebagaimana di Semenanjung Malaysia, kerajaan negeri di Sabah juga telah mengadaptasikan struktur model parti BN yang bercorak “*grand coalition*” dalam usaha untuk membawa pelbagai kaum ke arah pembentukan kerajaan negeri (Ongkili, 1992; Mauzy, 1983). Parti-parti politik di Sabah pula bertanding untuk mewakili kepentingan pelbagai kumpulan etnik di Sabah.

Kajian-kajian awal tentang pilihan raya di Sabah telah memberi fokus kepada kemenangan dan kekalahan yang telah diperolehi oleh parti-parti yang bertanding di Sabah. Milne dan Ratnam (1974) telah memberikan satu penelitian yang mendalam tentang perkembangan politik di Sabah. Secara khususnya, penulisan mereka merujuk kepada perkembangan parti-parti politik dan proses pilihan raya semasa penubuhan Malaysia pada tahun 1963. Terdapat banyak penulisan yang telah menyentuh tentang pilihan raya di Sabah yang telah mengkaji trend, corak pengundian, konflik inter/intra-parti dan juga kesan faktor nasional dan tempatan dalam mempengaruhi pola pengundian (Han, 1979; Kalimuthu, 1986; Loh, 1987; Leigh, 1988; Chin, 1994; 1997; 1999; 2014; 2023; Lai, 2002; Mersat, 1999; Chin & Puyok, 2010). Kebanyakan kajian lepas tentang pilihan raya di Sabah telah menggunakan pendekatan konvensional iaitu bercorak analisis deskriptif untuk mengkaji keputusan pilihan raya dan strategi berkempen.

Selain itu, ada juga sarjana telah mengkaji dinamika proses pilihan raya di Sabah dan Sarawak dalam konteks hubungan kerajaan pusat dan negeri (Chin, 1997; Yusoff, 2000). Penulisan sarjana-sarjana ini memperlihatkan bahawa dinamika elektoral di Sabah dipengaruhi oleh corak hubungan antara kerajaan pusat dengan ketua pemimpin politik tempatan. Tambahan lagi, sokongan daripada kerajaan persekutuan terutamanya dari segi kewangan dan institusi adalah penting untuk menjamin ‘*survival*’ politik pemimpin-pemimpin tempatan di Sabah. Sebagai balasan, kerajaan pusat pula perlukan sokongan daripada pemimpin-pemimpin tempatan ini untuk mengekalkan kuasa politik di peringkat kerajaan pusat.

Seperti di Semenanjung Malaysia, pendekatan etnisiti juga telah digunakan oleh ramai sarjana untuk menjelaskan tingkah laku pengundi dan corak pengundian di Sabah dan Sarawak (Funston, 1980). Di negeri-negeri ini, faktor etnik telah memainkan peranan penting dalam perkembangan politik tempatan. Misalnya Chin (1994) telah melihat kepada kebangkitan dan kejatuhan PBS, iaitu satu parti yang dianggap mewakili etnik Kadazandusun dalam politik Sabah.

Sejak 2008, penulisan-penulisan ilmiah tentang perkembangan pilihan raya telah mula memberi penekanan kepada pendekatan “*developmentalism*” dalam usaha menerangkan proses pilihan raya di Malaysia (Loh, 2003; 2009). Pengkaji-pengkaji ini berhujah bahawa “*developmentalism*” sama pentingnya seperti isu etnik dalam menjelaskan perkembangan politik di Malaysia. Mereka juga menjelaskan bahawa masyarakat Malaysia bukan sahaja mengundi berdasarkan faktor etnik semata-mata tetapi juga dipengaruhi oleh faktor-faktor seperti keadilan, akauntabiliti, partisipasi popular, kebebasan dan autonomi dalam membuat keputusan politik mereka (Loh, 2009).

Walau bagaimanapun, penelitian secara mendalam dalam perkembangan pilihan raya di Sabah mendapati bahawa pengundi masih mengundi parti-parti politik berdasarkan pertimbangan kaum (Chin & Puyok, 2010). Misalnya, trend dalam PRU 2008 dan 2013 menunjukkan BN secara konsisten telah hilang undi dalam kalangan pengundi bukan

Islam. Walaupun begitu, pengundi-pengundi di Sabah pula telah membantu BN membentuk kerajaan pusat, meskipun BN kehilangan jumlah kerusi parlimen yang agak besar di kawasan-kawasan parlimen yang mempunyai penduduk bukan Islam. Malahan, sokongan padu masyarakat Sabah terhadap BN tersebut telah membawa kepada pandangan popular bahawa Sabah merupakan “*fixed deposit*” bagi mengekalkan *political status quo* parti pemerintah (Govindasamy & Lai, 2014; Puyok & Sukhani, 2020).

Salah satu perkembangan penting selepas Pilihan Raya Umum ke-14 di Sabah adalah kemunculan Parti Warisan di bawah kepimpinan Shafie Apdal yang telah berjaya menamatkan pemerintahan kerajaan UMNO di Sabah. Nadzri (2018) berpendapat kemenangan Parti Warisan dalam PRU14 adalah kerana parti tersebut berjaya membawa mesej sentimen kenegerian dalam mana Sabah harus diperintah oleh parti tempatan dan bukannya parti politik kebangsaan daripada Semenanjung Malaysia. Selain itu, parti Warisan juga berjaya membentuk persefahaman strategik dengan PH di peringkat kerajaan pusat (Govindasamy & Lai, 2018).

Walaupun bagaimanapun, pemerintahan Parti Warisan tidak bertahan lama di Sabah. Pada tahun 2020, Shafie Apdal – Ketua Menteri Sabah pada ketika itu telah membubarkan Dewan Undangan Negeri (DUN) Sabah jauh lebih awal dari tempoh pentadbiran yang lazim. Keputusan tersebut telah membawa kepada Pilihan Raya Negeri (PRN) Sabah pada tahun 2020 yang telah dimenangi oleh Gabungan Rakyat Sabah (GRS). Govindasamy (2020) dan Welsh, Somiah, dan Loh (2021b) berpendapat bahawa penubuhan GRS oleh kepimpinan Perikatan Nasional (PN) selepas Shafie Apdal membubarkan Kerajaan Negeri Sabah pada tahun 2020 adalah untuk memastikan pengaruh kerajaan pusat terus mendominasi lanskap politik Sabah. Tambah lagi, kemenangan GRS dalam PRN Sabah 2020 tidak semestinya membawa maksud bahawa kuasa autonomi negeri seperti mana yang termaktub dalam Perjanjian Malaysia 1963 (*Malaysia Agreement 1963 - MA63*) akan dipulihkan semula. Malahan, Govindasamy (2020) serta Welsh, Somiah, dan Loh (2021b) berpendapat tuntutan Sabah ke atas MA63 akan menjadi lebih diplomatik dengan kerajaan pusat berbanding dengan kerajaan Sarawak.

Pendapat sedemikian ternyata ada kebenarannya kerana sejurus selepas Pilihan Raya Umum ke-15, kerajaan negeri Sabah di bawah GRS telah mengumumkan untuk keluar daripada gabungan PN untuk menyokong ‘kerajaan perpaduan’ yang telah ditubuhkan oleh Anwar Ibrahim. Chin (2023) melihat langkah ini sebagai satu cara elit politik Sabah kekalkan ‘survival’ politik mereka di peringkat kerajaan negeri dan pusat.

2.3. ‘Undi18’, penglibatan golongan belia dalam pilihan raya, persepsi dan aspirasi golongan belia dalam perkembangan pilihan raya di Malaysia.

Secara umumnya, terdapat beberapa karya dan penulisan yang menjelaskan dinamika, persepsi dan aspirasi politik Belia Undi18 di Malaysia. Tidak dinafikan bahawa, perubahan dalam undang-undang pilihan raya di Malaysia telah mencipta satu dinamika baharu dalam politik, terutamanya dengan pelaksanaan Undi18 yang menurunkan umur layak mengundi dari 21 tahun sebelum ini kepada 18 tahun dan pengenalan pendaftaran pemilih automatik (AVR). Ini telah membawa kepada peningkatan besar jumlah pengundi muda, yang kini mempunyai peluang lebih besar untuk mempengaruhi hasil pilihan raya. Menurut Ostwald (2024), perubahan ini telah memperburukkan masalah *malapportionment* di Malaysia, di mana pendaftaran pemilih baru yang tidak seimbang mengakibatkan ketidakadilan dalam perwakilan politik. Ostwald (2024) menyoroti bagaimana UMNO secara historis memanipulasi had pemilihan untuk mengekalkan

dominasi politik yang terus mempengaruhi persaingan politik walaupun selepas kekalahan mereka pada tahun 2018. Tambahan pula, cadangan peningkatan kerusi parlimen untuk Malaysia Timur yang bertujuan mewakili dan mengiktiraf kedudukan politik unik wilayah tersebut, hanya menambah kepada masalah *malapportionment* ini.

Dalam konteks persepsi politik belia, kajian oleh [Ismail, Adnan dan Ishak \(2023\)](#) menunjukkan bahawa pengundi baharu ketika Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15) mempunyai kecenderungan memilih wakil rakyat yang mempunyai ciri-ciri berintegriti, bebas rasuah, dan berpendidikan tinggi. Belia yang baru mengundi menunjukkan literasi politik yang baik dan tidak terikat dengan politik naungan seperti generasi terdahulu. Persepsi ini disokong oleh [Kasmani \(2023\)](#), yang mendapati bahawa, walaupun ramai pengundi muda menghadapi kekurangan pengetahuan politik, mereka cenderung untuk mendapatkan pengetahuan tersebut terlebih dahulu sebelum terlibat dalam perdebatan politik. Namun, terdapat juga persepsi bahawa politik adalah sesuatu yang rumit dan penuh dengan krisis, yang menyebabkan sebahagian daripada mereka kurang berminat mahupun tidak peduli untuk terlibat secara aktif. Aspirasi politik belia juga memainkan peranan penting dalam dinamika politik Malaysia. [Mohd Basori dan Awang Besar \(2020\)](#) menekankan bahawa belia ingin terlibat dalam pembangunan negara dan menyokong penurunan umur mengundi kepada 18 tahun. Ini menunjukkan bahawa belia mempunyai keinginan yang tinggi untuk menyuarakan pendapat mereka dan terlibat secara aktif dalam proses demokrasi ([The Star, 2022d](#)).

Persekitaran sosial dan media massa mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap penyertaan politik Belia Undi18. Hubungan sosial dengan keluarga dan rakan mendorong penglibatan politik, manakala media massa menyediakan platform untuk mendapatkan maklumat politik dan terlibat dalam perbincangan politik. Dalam masa yang sama, media sosial telah menjadi medium utama dalam penyebaran maklumat politik di kalangan belia, namun penglibatan mereka dalam politik masih rendah. Walaupun platform seperti *YouTube*, *Twitter (X)*, dan *Facebook* mencipta suasana politik yang baru, tahap penglibatan politik secara *offline* (fizikal) dikatakan masih berada di tahap yang rendah. Belia lebih cenderung untuk terlibat dalam perbincangan politik secara dalam talian berbanding menghadiri acara politik secara fizikal. Ini menunjukkan bahawa walaupun media sosial dilihat mempunyai pengaruh dan boleh menjadi alat yang berkesan sebagai medium menarik minat belia terhadap politik, beberapa pendekatan wajar dilakukan untuk meningkatkan penyertaan aktif mereka dalam proses politik. Media sosial memainkan peranan penting dalam menarik minat belia terhadap politik, namun penyertaan mereka dalam aktiviti parti politik masih rendah. Ini menunjukkan bahawa terdapat jurang antara minat politik belia dan penglibatan aktif mereka dalam politik, yang perlu ditangani melalui literasi politik yang lebih menyeluruh beserta strategi penglibatan yang lebih berkesan ([Yaakub, Mohd Kamil & Wan Mohamad Nordin, 2023](#); [Md Razali & Muhamad, 2022](#); [Ahmad & Mohd Zain, 2021](#)).

Seterusnya, kajian oleh [Md Razali dan Muhamad \(2022\)](#) menunjukkan bahawa, tahap penglibatan politik belia adalah sederhana dengan minat terhadap politik sebagai faktor utama. Walaupun majoriti belia turun mengundi, hanya sebilangan kecil yang berhubung dengan pemimpin politik. Selain itu, kajian oleh [Mohd Nizah dan Abu Bakar \(2022\)](#) menekankan pengaruh pengundi muda dalam Pilihan Raya Negeri Johor 2022. Pengundi muda, yang pertama kali mengundi pada umur 18 tahun, didapati lebih dinamik, oportunistik, dan progresif. Ini menunjukkan bahawa belia bukan sahaja mempunyai keinginan untuk terlibat dalam politik tetapi juga mempunyai potensi untuk membawa perubahan yang signifikan dalam lanskap politik Malaysia. Kajian oleh [Dollah et al. \(2018\)](#)

dan Jafar et al. (2021) pula menunjukkan bahawa budaya politik di Sabah dipengaruhi oleh etnikisme dan politik pembangunan, manakala permintaan politik belia berkisar pada kestabilan negeri, hak kesamarataan wilayah, dan penyediaan bantuan kebajikan.

Berdasarkan kepada analisa dalam sorotan literatur mengenai dinamika, persepsi dan aspirasi politik Belia Undi18 di Malaysia ini, beberapa kelompangan telah dikenal pasti dan membantu kajian ini untuk melihat aspek-aspek yang lebih luas mencagun dalam tema berkaitan dinamika, persepsi dan kecenderungan aspirasi politik Belia Undi18 di Sabah. Kajian lanjut yang mengisi kelompangan ini akan membantu memberikan gambaran yang lebih komprehensif dan menyeluruh tentang penglibatan politik belia. Pertama, walaupun beberapa kajian telah meneliti peranan media sosial dalam penyebaran maklumat politik dan penglibatan politik belia, terdapat kelompangan dalam memahami bagaimana media sosial secara spesifik membentuk persepsi politik belia. Kajian lanjut boleh mengkaji bagaimana algoritma media sosial mempengaruhi pendedahan belia kepada maklumat politik yang berbeza, peranan influencer dan tokoh media sosial dalam membentuk pandangan politik belia, serta kesan kempen politik digital terhadap keputusan mengundi belia. Dengan ini, kita dapat memahami dengan lebih mendalam bagaimana media sosial mempengaruhi pandangan dan tingkah laku politik belia.

Kedua, terdapat kekurangan kajian yang mendalam mengenai keberkesanan program pendidikan atau literasi politik dalam meningkatkan penglibatan belia. Walaupun terdapat pengakuan mengenai kekurangan pengetahuan politik di kalangan belia, kajian lanjut boleh menganalisis keberkesanan kurikulum pendidikan sivik di sekolah-sekolah dan program-program bukan formal seperti bengkel, seminar, dan kempen kesedaran politik yang dianjurkan oleh Badan Bukan Kerajaan (NGO). Tambahan pula, pengaruh pendidikan politik terhadap kesediaan dan keterlibatan belia dalam proses pilihan raya juga perlu diteliti. Ini penting untuk memastikan bahawa belia tidak hanya mempunyai akses kepada maklumat politik tetapi juga mempunyai kemahiran dan literasi untuk terlibat secara aktif dalam politik. Ketiga, kebanyakan kajian yang sedia ada adalah bersifat *cross-sectional*, yang hanya memberikan gambaran sementara tentang penglibatan politik belia. Kajian *longitudinal* diperlukan untuk menjejaki perubahan dalam penglibatan dan persepsi politik belia dari semasa ke semasa. Kajian ini boleh menganalisis bagaimana pengalaman politik awal, seperti mengundi untuk kali pertama, mempengaruhi penglibatan politik masa depan. Ini akan membantu memahami faktor-faktor yang menyumbang kepada perubahan atau kesinambungan dalam tingkah laku politik belia.

Seterusnya, terdapat kelompangan dalam kajian mengenai pengaruh konteks sosioekonomi terhadap aspirasi politik belia. Beberapa kajian telah menyentuh persekitaran sosial sebagai faktor yang mempengaruhi penglibatan politik, tetapi kurang fokus diberikan kepada aspek sosioekonomi. Kajian lanjut boleh meneliti bagaimana status sosioekonomi mempengaruhi akses kepada maklumat politik dan peluang penglibatan, hubungan antara tahap pendidikan, pendapatan keluarga, dan aspirasi politik belia, serta kesan ketidaksamaan sosioekonomi terhadap persepsi keadilan politik dan kepercayaan terhadap institusi demokrasi. Ini penting untuk memastikan bahawa semua golongan belia, tanpa mengira latar belakang sosioekonomi, mempunyai peluang dan hak yang sama dalam penglibatan politik.

Kelompangan lain yang perlu diisi adalah kajian mengenai pengaruh kepimpinan dan wakil politik belia terhadap penglibatan politik mereka. Berdasarkan kepada sorotan

literatur, didapati terdapat kelompondangan kajian yang meneliti kesan kepimpinan politik belia terhadap penglibatan politik mereka. Kajian lanjut boleh menilai kesan kehadiran wakil politik muda dalam kerajaan atau organisasi politik terhadap penglibatan dan aspirasi belia, serta menganalisis bagaimana model peranan politik mempengaruhi minat dan aspirasi belia untuk terlibat dalam politik. Akhir sekali, didapati kurang kajian yang memberikan fokus khusus kepada perbezaan jantina dalam penglibatan politik belia. Kajian lanjut boleh meneliti perbezaan dalam penglibatan dan persepsi politik antara belia lelaki dan perempuan, faktor-faktor yang menghalang atau mendorong penglibatan politik di kalangan belia perempuan, serta kesan kempen dan program penglibatan politik yang disesuaikan mengikut jantina. Ini akan memastikan bahawa strategi penglibatan politik belia adalah inklusif dan berkesan untuk semua golongan.

Dengan mengisi kelompondangan-kelompondangan ini, kajian tentang dinamika, persepsi, dan aspirasi politik belia Undi18 di Malaysia amnya dan Sabah khususnya dapat menjadi lebih komprehensif dan menyeluruh. Ini akan memberikan panduan yang lebih baik untuk pembuat dasar dan pihak berkepentingan dalam menggalakkan penglibatan politik belia serta memastikan mereka dapat menyuarakan pendapat dan aspirasi mereka dengan lebih berkesan. Belia merupakan aset penting dalam menentukan masa depan politik Malaysia, dan oleh itu, reformasi yang menyeluruh diperlukan untuk memastikan mereka dapat terlibat secara aktif dan bermakna dalam proses demokrasi.

3. Metod

Maklumat yang dikumpulkan dalam artikel ini adalah berdasarkan kepada kajian-kajian lepas dan juga hasil penulisan yang berkaitan konsep dan pemboleh ubah yang digunakan dalam artikel ini. Secara umumnya pendekatan yang digunakan dalam mengumpulkan data adalah pendekatan kualitatif. Sebanyak 115 rujukan dari tahun 1946 sehingga tahun 2024 yang melibatkan hasil penulisan pengkaji luar dan pengkaji tempatan termasuklah rujukan-rujukan daripada akhbar dan dokumen daripada agensi-agensi kerajaan yang berkaitan telah digunakan sebagai sumber penulisan artikel ini. Hasil daripada penilitian sumber-sumber tersebut maka artikel ini telah mengadaptasi, membangunkan dan mengubahsuai konsep-konsep yang dijadikan sebagai pemboleh ubah kajian yang merangkumi pemboleh ubah tetap dan pemboleh ubah bebas untuk memahami dinamika, persepsi dan aspirasi belia undi18 di Sabah. Konsep-konsep tersebut adalah Sentimen Primordial, Semangat Kenegerian, Hubungan Persekutuan Negeri, Budaya Patron-Client, Pembangunan, Isu Sosio Ekonomi, Penggunaan Media, Governan dan Tadbir Urus dan yang terakhir Keyakinan dan Sokongan Kepada Kerajaan.


4. Model Konseptual, Definisi, dan Kerangka Analisis

Kajian ini mencadangkan pengaplikasian suatu model konseptual kajian elektoral yang berteraskan kepada beberapa teori/konsep politik dan politik elektoral (*electoral politics*) yang berhubung dan berkait rapat antara satu sama dengan yang lain dan saling memperkukuh sebagai kerangka analisisnya. Sesungguhnya, teori/konsep politik dan politik elektoral yang dikenal pasti merupakan teori/konsep yang lazim dikaitkan dengan dinamika-dinamika yang cenderung mempengaruhi sentimen, mewarnai persepsi, dan menentukan aspirasi mahupun pilihan politik pengundi di dalam konteks budaya politik dan amalan demokrasi di Malaysia, amnya, dan di wilayah Sabah, khususnya. Malahan, teori/konsep berkenaan telahpun didokumen dan diguna pakai dalam beberapa kajian lepas sebagai teori/konsep yang relevan untuk memahami landskap, dinamika dan budaya politik Malaysia. (Shils, 1957; Shils, 1968; Geertz, 1973; Milne, 1973; Chin, 1994;

Chin, 1999; Loh, 2009; Puyok & Bagang, 2011; Weiss, 2014; Welsh, Somiah & Loh, 2021a; Welsh, Somiah & Loh, 2021b).

Pada dasarnya, model konseptual dan kerangka analisis KEU18 Sabah ini adalah berdasarkan kepada DUA (2) pembolehubah yang mewakili DINAMIKA, PERSEPSI dan ASPIRASI politik belia Undi18 di Sabah. Pembolehubah DINAMIKA dan PERSEPSI bertindak sebagai Pembolehubah Bebas (*Independent Variable*) yang merangkumi komponen dan konstruk berteraskan kelompok teori/konsep politik dan politik elektoral yang cenderung mempengaruhi ASPIRASI ataupun keyakinan dan kecenderungan sokongan mahupun pilihan politik belia kohot Undi18 Sabah, yakni Pembolehubah Tetap (*Dependent Variable*) dalam model konseptual tersebut (lihat [Rajah 1](#) – Model Konseptual dan Kerangka Analisis KEU18 Sabah).

Rajah 1: Model Konseptual dan Kerangka Analisis KEU18 Sabah



Secara spesifik, DINAMIKA dan PERSEPSI sebagai Pembolehubah Bebas merangkumi lapan (8) komponen termasuk lapan (8) konstruk yang lazim dikaitkan dengan politik dan dinamika elektoral Malaysia, iaitu:

4.1. Sentimen Primordial

Sentimen primordial merupakan suatu konsep yang menonjol dan popular dalam menjelaskan politik yang berteraskan identiti etnik dan agama dalam konteks Malaysia. Secara umumnya, sentimen primordial atau primordialisme merujuk kepada perasaan taksub bersama/kesatuan yang berasaskan kepada ikatan identiti sosial asasi seperti ikatan darah (ras, etnik, bangsa), dan elemen sosio-budaya (seperti bahasa, adat, agama, dan sebagainya).

Konsep “primordialisme” mula diterokai oleh dua orang pakar sosiologi Edward Shils dan Clifford Geertz seawal dekad 1950an berdasarkan pemerhatian mereka terhadap ikatan identiti sosial yang lazim mempengaruhi perasaan kekitaan dan kebersamaan dalam kalangan manusia. Menurut [Shils \(1957, 1968\)](#) “primordialisme” adalah kepercayaan bahawa beberapa ikatan dan kecenderungan seperti kekeluargaan, keserumpunan, agama, bahasa dan amalan budaya adalah semula jadi atau asli dalam keadaan manusia.

Ikatan primordial ini dilihat sebagai kuat, malahan sering kali melebihi pilihan rasional serta menyumbang kepada pembentukan dan ketahanan komuniti mahupun kumpulan sosial. Bagi [Shils \(1968\)](#), “primordialisme” menunjukkan bahawa ikatan sedemikian bukan sekadar konstruk sosial tetapi sangat berakar dalam warisan biologi dan budaya kita.

Sementara [Geertz \(1973\)](#) mendefinisikan “primordialisme” sebagai sifat attachment yang berpunca daripada ikatan sosial tertentu, seperti etnik, kaum, ras, dan bahasa. Menurut beliau, ikatan primordial ini berpunca daripada hubungan biologi, linguistik dan geografi yang dilihat sebagai semula jadi dan historically given ([Geertz, 1973](#)). [Geertz \(1973\)](#) berpendapat bahawa ikatan seumpama ini lazim membangkitkan respon kuat yang seakan-akan bersifat lahiriah dalam kalangan ahli kumpulan, selain membentuk identiti dan tindakan sosial mereka. Konsep “primordialisme” yang dipelopori [Geertz \(1973\)](#) menganggap ikatan sedemikian sebagai fundamental/asas yang sukar dielakkan, dan sangat mempengaruhi kehidupan sosial dan politik individu mahupun kumpulan.

Sebaliknya, [Allahar \(1996\)](#) melihat primordialisme sebagai sentimen atau perasaan kekitaan yang tidak semestinya bersandar kepada ikatan darah atau elemen biologi, tetapi turut boleh berbentuk konstruk sosial seperti identiti nasional/kebangsaan yang dilihat oleh [Hobsbawm dan Ranger \(1983\)](#) sebagai “*invented traditions*”, yakni direka bentuk secara fictional melalui pelbagai strategi pembentukan bangsa. Menurut [Allahar \(1996\)](#),

“...the feelings of intense intimacy and belonging [arising from primordialism] do not have to be mediated by blood. They can be socially constructed as in the case of fictive kinship or love for one's country, and excite in adherents the same passion and devotion that are to be found among blood relatives.”

Dalam erti kata yang lain, ikatan primordial yang berteraskan “darah” bukanlah satu-satunya jenis ikatan primordial yang wujud dalam hubungan manusia. Dalam kata-kata [Allahar \(1996\)](#),

“Ethnic, religious, national, political and other forms of identity or attachment to a perceived community that are not necessarily based on blood, have been known to elicit high levels of uncritical devotion and commitment among adherents. This is why, in the context of political mobilization, primordial attachments are sometimes seen to be blind and even irrational..., or,...purely emotional and belonging "centrally to that area of experience which Weber designated as non-rational”.

Sesungguhnya, primordialisme merupakan dinamika yang lazim membentuk sentimen, persepsi dan kecenderungan mahupun kiblat politik masyarakat Malaysia yang rencam dari segi etnik dan agama. Ini memandangkan identiti etno-agama masih dikenal pasti sebagai di antara dinamika yang paling menonjol dalam melakar landskap politik dan political faultlines di Malaysia sehingga ke hari ini ([Loh, 2009](#); [Deviyati, 2023](#)). Dalam konteks masyarakat Sabah pula, kerencaman identiti etno-agama yang jauh lebih signifikan dan kompleks berbanding masyarakat di Semenanjung Malaysia menyebabkan primordialisme sering ditanggap sebagai dinamika yang kritikal lagi *salient* dalam mencorakkan amalan politik “Negeri di Bawah Bayu” ([Welsh, Somiah & Loh, 2021a](#); [Welsh, 2023](#)). Malahan, Bridget Welsh dalam kajiannya mengenai trend pengundian di

Sabah semasa PRU15 mendapati “*ethnic swings were critical in shaping the GE15 electoral outcome in Sabah as new ethnic alignments emerged*” (Welsh, 2023).

Namun, kemampuan masyarakat Sabah meraikan perpaduan di sebalik kepelbagaian etnik dan agama turut menimbulkan persoalan tentang sejauh mana kebenaran tanggapan sedemikian, lebih-lebih lagi dalam kalangan belia yang sering dilihat sebagai golongan yang bersikap lebih terbuka, terangkum dan progresif serta kurang dipengaruhi oleh gejala “old politics” (Loh, 2019) yang berteraskan sentimen primordial (sila rujuk komponen “Sentimen Primordial (SP)” dalam Rajah 1).

4.2. Semangat Kenegerian

Secara amnya, “semangat kenegerian” membawa maksud perasaan kekitaan, kebersamaan dan sense-of-belonging (contoh *Sabah for Sabahan, Sarawak First, Bangsa Johor*) yang berasaskan kepada identiti kenegerian. Ia juga sering dikaitkan dengan konsep “parokialisme” (parochialism) yang merujuk kepada pandangan yang terhad atau sempit, terutamanya yang tertumpu kepada kepentingan tempatan pada kos kepentingan yang bersifat “big picture”. Parokialisme juga sering melibatkan ketidakupayaan dan/atau keengganan untuk mempertimbangkan perspektif dan keperluan yang berbeza atau lebih luas, tetapi sebaliknya mengutamakan perspektif, kepentingan dan keperluan tempatan/lokali.

Semangat dan politik parokial yang bersandarkan kenegerian pula merujuk kepada pendirian, perjuangan, tindakan atau dasar politik yang cenderung mengutamakan kepentingan dan isu kenegerian, dan berpotensi mengabaikan/meremehkan pertimbangan dan keperluan di peringkat nasional. Ianya juga lazim dikaitkan dengan semangat regionalisme dan/atau identiti dan nasionalisme kenegerian (state identity and nationalism) terutama sekali dalam kalangan negara pasca-kolonial, negara yang bersaiz besar mahupun negara yang mengamalkan sistem Federalisme/Persekutuan (Lai, 2022; Fong & Ichijo, 2022).

Dalam konteks Sabah sebagai salah sebuah entiti dalam Persekutuan Malaysia, semangat kenegerian/kewilayahan merupakan suatu sentimen yang sah lagi salient, bukan sahaja diakibatkan oleh geographical distance vis-à-vis Semenanjung Malaysia tetapi turut disebabkan oleh perbezaan kualitatif dari segi pengalaman sejarah, demografi serta warisan etno-budaya dan ciri-ciri linguistik (Lai, 2022). Penonjolan dan keterlihatan semangat/sentimen Sabah baik di peringkat Kerajaan negeri mahupun di persada popular, turut dipengaruhi oleh isu-isu yang mewarnai dinamika hubungan Persekutuan-Negeri (silang-rujuk dengan 3.3. Hubungan Persekutuan-Negeri) (sila rujuk komponen “Sentimen Kenegerian (SK)” dalam Rajah 1).

4.3. Hubungan Persekutuan-Negeri

Hubungan Persekutuan-Negeri merujuk kepada dinamika hubungan yang melibatkan perkongsian dan pengagihan kuasa di antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri/Provinsi/Wilayah dalam sesebuah negara yang mengamalkan model Federalisme. Federalisme merupakan suatu sistem Kerajaan dalam mana kuasa dibahagikan di antara Kerajaan Pusat/Nasional dan Kerajaan Negeri/Provinsi/Wilayah. Pembahagian autoriti sedemikian membolehkan setiap peringkat Kerajaan untuk memiliki autonomi dan hak spesifik yang lazimnya diperuntukkan oleh Perlembagaan Persekutuan yang jelas mengagihkan kuasa serta tanggungjawab spesifik kepada setiap peringkat Kerajaan. Reka

bentuk dan pengoperasian sistem kerajaan sedemikian bertujuan mewujudkan keseimbangan dan pengagihan kuasa (*balance-of-power and separation of power*) di antara Kerajaan Pusat/Nasional dengan Kerajaan Negeri/Provinsi/Wilayah yang membenarkan tadbir urus dan kawalan tempatan terhadap isu-isu wilayah di samping mengekalkan kesepaduan dasar nasional dalam perkara-perkara yang luas dan bersifat kepentingan nasional (Wheare, 1948; Bednar, 2011).

Dalam konteks Persekutuan Malaysia, sistem federalisme dicirikan oleh pembahagian kuasa di antara Kerajaan Persekutuan dan kerajaan-kerajaan negeri dalam mana Perlembagaan Persekutuan Malaysia memperuntukkan kuasa dan tanggungjawab di antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri berdasarkan kepada tiga senarai yakni Senarai Persekutuan, Senarai Negeri, dan Senarai Bersama. Namun demikian, Persekutuan Malaysia dianggap unik dalam kalangan ahli sains politik kerana memiliki sistem federalisme yang “highly centralised” dalam mana berlakunya darjah pemusatan dan penumpuan kuasa eksekutif yang tinggi di peringkat Kerajaan Pusat/Nasional/Persekutuan, sehinggakan ianya digelar sebuah “unitary state cloaked in federalism” (Ongkili, 1992; Lai, 2022).

Tambahan lagi, Sabah mahupun Sarawak tidak dianggap sebagai salah satu daripada 13 buah negeri, tetapi sebaliknya wilayah atau entiti politik yang membentuk Persekutuan Malaysia bersama dengan Malaya (Semenanjung Malaysia) sebagai “equal partners” berdasarkan pensejarahan, legaliti dan aspirasi bapa-bapa pengasas Malaysia (Lai, 2022). Ini bermakna Sabah dan Sarawak memiliki hak, cakupan kuasa dan darjah autonomi yang lebih tinggi berbanding dengan yang diperuntukkan kepada 11 buah negeri di Semenanjung Malaysia, seperti mana yang termaktub di dalam “holy trinity of merger documents” iaitu memoranda Perkara 20 (Sabah)/Perkara 18 (Sarawak), Inter-Governmental Committee (IGC) Report, dan Malaysia Agreement 1963 (MA63) (Lai, 2022: 273), dan diterapkan dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia (1963).

Walau bagaimanapun, dakwaan berlakunya hakisan hak dan autonomi (erosion of rights and autonomy) Sabah dan Sarawak dalam Persekutuan Malaysia telah membangkitkan kesedaran semangat nasionalisme tempatan dalam kalangan rakyat mahupun pemimpin politik Sabah/Sarawak untuk memperjuangkan devolution of power demi mengembalikan hak dan autonomi tersebut (Lai, 2022). Malahan, menurut Welsh, Somiah dan Loh (2021b), “the main political narrative in Sabah in one of resentment” disebabkan perasaan hampa terhadap ketidakadilan yang menimpa Sabah sejak berpuluh tahun yang lalu serta kegagalan pelbagai gabungan parti pemerintah di peringkat kerajaan persekutuan untuk menghormati dan merestorasi intipati perjanjian MA63 demi mengembalikan hak dan autonomi Sabah (Welsh, Somiah & Loh, 2021b).

Akibatnya, dinamika hubungan Persekutuan-Negeri dalam konteks Sabah (dan Sarawak) kian dipengaruhi dan kadang dikeruhkan oleh tuntutan rakyat Sabah terhadap Kerajaan Persekutuan untuk menghormati MA63 dalam isu-isu yang berkaitan dengan status, hak dan autonomi Sabah dalam Persekutuan Malaysia. Ini termasuklah isu tuntutan pengembalian hak 40 peratus hasil atau geran khas Sabah yang kini sedang hangat diperdebatkan baik di persada kehakiman mahupun dalam kalangan ahli politik dan rakyat jelata (Utusan Malaysia, 2023; Bernama, 2024; Samad, 2021). Kesemua ini telah menjadikan hubungan Persekutuan-Negeri dinamika elektoral yang salient baik dalam pilihan raya umum mahupun pilihan raya negeri di Sabah (Welsh, Somiah & Loh, 2021b) (sila rujuk komponen “Hubungan Persekutuan-Negeri (HPN)” dalam Rajah 1).

4.4. Budaya “Patron-Client”

Budaya *Patron-Client* adalah konsep yang merujuk kepada suatu amalan politik feodalistik dalam mana wujudnya hubungan dua hala yang berasaskan kepentingan bersama di antara seorang yang memiliki kuasa/autoriti, status sosial, kekayaan, atau sebarang sumber peribadi (*patron*) dengan seorang yang mendapat manfaat daripada sokongan dan pengaruh mereka (*client*). Pada kebiasaannya, hubungan *patron-client* adalah bersifat *transactional* dalam mana *patron* menggunakan kuasa/autoriti yang dimiliki mereka untuk mengagihkan sumber kebendaan dan/atau peluang sosio-ekonomi kepada *client* bagi menjamin kesetiaan dan/atau sokongan politik mereka. Sementara *client* pula cenderung menabur kesetiaan dan sokongan politik kepada *patron* selagi mereka memperoleh manfaat yang dimaksudkan daripada *patron* tersebut.

Patronage adalah sumber kebendaan yang diagihkan untuk satu kepentingan khusus yang berbentuk politikal dan pada kebiasaannya (tetapi bukan selalunya) datang dari sumber awam. Shefter (1994: 23) mendefinisikan hubungan *patron-client* sebagai “...satu pertukaran yang menitikberatkan kepentingan awam untuk mendapatkan sokongan politik ataupun bertujuan untuk memberi kelebihan kepada parti masing-masing” dan ianya diberikan oleh ahli-ahli politik kepada “pengundi, pekerja kempen, atau penyumbang”. *Patronage* merupakan satu kepentingan yang “membahagi” dan bukannya “menyatu”. *Clientelism* pula digambarkan sebagai satu hubungan *personal vertical* yang berdasarkan kuasa. Mereka yang berasal dari status sosial tinggi (*patron*) dikaitkan dengan mereka yang berasal dari status sosial rendah (*client*) dalam situasi yang memerlukan pihak yang terlibat mempunyai hubungan *reciprocal* mengikut pelbagai keperluan dalam tempoh tertentu (Hutchcroft, 2014). Budaya politik “*patron-client*” pada kebiasaannya dimanifestasikan dalam persekitaran ekonomi politik negara membangun/kurang membangun (*political economy of developing/underdeveloped nations*), dalam mana tahap pembangunan dan kemajuan ekonomi serta kadar pendapatan yang terhad selain daripada tahap literasi politik yang rendah menyebabkan masyarakat (*client*) cenderung susceptible kepada godaan habuan politik berbentuk material di samping ikatan kebergantungan mereka terhadap pemimpinan politik (*patron*).

Sesungguhnya, budaya dan hubungan *patron-client* berkait secara langsung dengan fenomena kronisme, nepotisme dan politik wang. “Kronisme” membawa maksud amalan mementingkan atau mengutamakan teman atau kawan atau *in-group favouritism* dalam pelantikan sesuatu jawatan, pemberian sesuatu projek dan sebagainya (Khatri, Tsang, & Begley, 2006). Sementara “nepotisme” merujuk kepada amalan memberi kedudukan kepada ahli keluarga atau sanak saudara tanpa mengambil kira kelayakan mereka (Chhibber, 2013). Manakala “politik wang” pula adalah istilah khusus untuk rasuah politik yang merangkumi sebilangan perbuatan yang salah di sisi undang-undang, termasuk penggunaan wang, hadiah, barangan berharga, kontrak dan pelbagai habuan material untuk membeli undi dan sokongan yang lazimnya berlaku semasa kempen pilihan raya. Politik wang dianggap sebagai rasuah politik apabila ahli politik menerima wang haram daripada individu, ahli perniagaan, atau golongan kaya yang meminta sesuatu sebagai timbal balik (SPRM, 2020).

Budaya *patron-client* berserta dengan amalan kronisme, nepotisme dan politik wang merupakan dinamika yang sinonim dengan budaya politik Malaysia, dan telah dikaji, telusuri serta didokumentasikan oleh pelbagai pengkaji, penganalisis mahupun pemerhati politik (Gomez & Jomo, 1997; Johnson & Mitton, 2001; Hilley, 2000). Dalam konteks Sabah, budaya politik sedemikian didakwa amat menonjol dan berleluasa. Ini

bukan hanya disebabkan oleh realiti ekonomi politik Sabah yang mirip sebuah *developing state and society*, tetapi amalan dan ikatan *patron-clientelism* yang turut diperdalamkan oleh dinamika politik etnik dan personaliti pemimpin. Dalam kajiannya mengenai PRU15 di Sabah, [Welsh \(2023\)](#) mendapati “*personality politics (and often the resources of some personalities) are still pervasive in Sabah*”. Sementara [Chan \(2021\)](#) dan [Hazis \(2015\)](#) dalam kajian mereka mengenai politik elektoral Sabah turut mendedahkan hubungan langsung di antara fenomena *party hopping* dan *patronage*. Menurut [Chan \(2021\)](#), “[t]he context of party hopping...goes beyond moralistic corruption and reflects the deep-rooted nature of patronage in Sabah’s politics. Ruling parties in Sabah, especially BN in the past decade, have relied on public institutions, resources, and favours in order to maintain support among the people and government” ([Chan, 2021: 24](#)) (sila rujuk komponen “Budaya Patron-Client (BPC)” dalam [Rajah 1](#)).

4.5. Pembangunan

Pembangunan boleh didefinisikan secara umum sebagai suatu proses atau langkah ke arah yang lebih baik (material, ekonomi, sosial) dalam lingkungan masyarakat dan negara. Ianya juga sering dikaitkan dengan konsep “*developmentalism*” yang merupakan suatu implikasi budaya dalam konteks negara membangun apabila rakyatnya mula menikmati kehidupan yang lebih baik hasil daripada perkembangan ekonomi yang dicapai oleh negara tersebut ([Loh, 2009](#); [Wylde, 2017](#)).

Malahan, konsep politik pembangunan (*politics of developmentalism*) mempunyai pertalian yang rapat dengan *patronage politics* dan politik elektoral. *Developmentalism* sering bergantung kepada kawalan dan pengagihan sumber ekonomi oleh kerajaan pemerintah yang boleh membawa kepada sistem *patronage* dalam mana sokongan politik diperolehi melalui pengagihan peluang dan manfaat ekonomi. Pemimpin politik berkemungkinan menggunakan sumber sedemikian untuk mempertahankan kesetiaan dan mengukuhkan asas politik mereka. Amalan ini berkemampuan mewujudkan rangkaian kewajipan dan timbal balik (*network of obligations and reciprocities*) yang kritikal untuk menjamin kelangsungan politik dan dominasi.

Dalam rejim *developmentalism*, prestasi ekonomi sering digunakan sebagai indikator utama kejayaan dan legitimasi Kerajaan. Pemimpin yang mengikuti dasar *developmentalism* sering berkempen dengan janji pertumbuhan ekonomi dan peningkatan taraf hidup. Kejayaan menunaikan janji sedemikian mampu membawa kepada *electoral gains*, sementara kegagalan boleh menggugat kestabilan mahupun kelangsungan/legitimasi kuasa politik. Namun, hubungan timbal-balik ini kadang berpotensi membawa kepada rasuah dan ketidakcekapan. Ini kerana fokus “jangka pendek” terhadap keuntungan politik (*political gains*) mungkin mengatasi pilihan ekonomi yang optimal dan/atau menyebabkan salah pengagihan sumber (*misallocation of resources*). Natijahnya, apabila diurus secara berkesan, integrasi *developmentalism* dengan *political patronage* dan pilihan raya mampu mendorong pertumbuhan ekonomi yang pesat dan mentransformasikan masyarakat ([Woo-Cumings, 1999](#); [Wylde, 2017](#)).

Oleh kerana hubung-kaitannya dengan budaya *patron-client*, pembangunan dan *politics of developmentalism* turut dikenal pasti oleh pakar kajian Malaysia sebagai dinamika politik yang amat menonjol dan cenderung mendatangkan dampak signifikan dalam politik pilihan raya di Malaysia, amnya, dan Sabah, khususnya ([Embong, 2008](#); [Loh, 2009](#); [Wylde, 2017](#); [Govindasamy & Lai, 2014](#); 2018; [Chai, 2022](#); [Welsh, Somiah & Loh, 2021a](#)) (sila rujuk komponen “Pembangunan (BGN)” dalam [Rajah 1](#)).

4.6. Sosio-Ekonomi

Dinamika sosio-ekonomi merujuk kepada isu, permasalahan atau cabaran berkenaan aspek kehidupan sosial dan ekonomi yang berkemampuan membentuk persepsi dan aspirasi politik selain daripada mempengaruhi tingkah laku sosial masyarakat. Hakikatnya, legitimasi politik tidak boleh dipisahkan daripada prestasi ekonomi negara/negeri, dan kesan limpahannya (*spillover effect*) kepada rakyat yang lazimnya dimanifestasikan dalam bentuk isu-isu bread-and-butter dan sara hidup, selain daripada pengagihan kekayaan serta peluang ekonomi yang bersifat terangkum, egalitarian dan saksama. Malahan isu-isu ekonomi mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap prestasi pilihan raya kerana ia secara langsung mempengaruhi kehidupan seharian dan kesejahteraan ekonomi dan kewangan pengundi.

Pada umumnya, sekiranya sesebuah negara/negeri menikmati perkembangan/pertumbuhan ekonomi yang memberangsangkan, kerajaan/pemimpin politik semasa lebih cenderung dipilih semula kerana para pengundi bukan sahaja mempersepsikan dasar dan strategi ekonomi mereka sebagai berjaya tetapi turut yakin dan percaya akan kesinambungan, konsolidasi dan status quo kepimpinan politik sebagai pilihan politik rasional bagi menjamin kemampunan dan kesejahteraan ekonomi serta peningkatan kualiti hidup berterusan. Sebaliknya, jika ekonomi mengalami kesulitan dan/atau dibelenggu oleh kemelesatan mahupun krisis, pengundi cenderung mengalami “defisit kepercayaan” (*trust deficit*) dan mungkin mengundi calon/pemimpin/parti politik yang menjanjikan perubahan dan penyelesaian kepada masalah ekonomi. Faktor-faktor ekonomi seperti kadar pekerjaan, inflasi, gaji, cukai, peningkatan kos dan beban sara hidup, kesenjangan pendapatan, kemudahan/kemampuan perumahan, bantuan kewangan kerajaan dan sebagainya merupakan penentu penting kepuasan pengundi terhadap prestasi kerajaan/pemimpin semasa yang cenderung mempengaruhi pilihan politik mereka (Govindasamy & Lai, 2014; 2018; Khalid, 2014).

Dalam konteks Malaysia, amnya, dan Sabah, khususnya, isu *bread-and-butter* merupakan dinamika yang kian diutamakan oleh para pengundi dalam menentukan pilihan politik mereka, lebih-lebih lagi dalam persekitaran ekonomi negeri, nasional dan global yang semakin bersifat VUCA (*volatile, uncertain, complex, ambiguous*) sejak sedekad yang lampau. Persepsi dan keyakinan pengundi terhadap kemampuan kerajaan/kepimpinan semasa mengemudi “bahtera ekonomi” negara/negeri turut dikesani oleh isu rasuah, penyalahgunaan kuasa dan keterlibatan dalam skandal-skandal ekonomi politik (seperti 1MDB semasa PRU14) yang mendatangkan impak serius kepada kesejahteraan ekonomi rakyat dan negara. Misalannya, Alin dan Malasius (2021) mendapati masalah pengangguran yang serius di Sabah dan kegagalan Kerajaan Negeri Warisan-Plus menunaikan janji semasa PRU/PRN14 untuk menangani masalah tersebut sebagai salah satu punca teras kepada kekalahan gabungan parti pemerintah tersebut dalam PRN15 Sabah dua tahun kemudian (sila rujuk komponen “Isu Sosio-Ekonomi (ISE)” dalam Rajah 1).

4.7. Penggunaan Media

Penggunaan Media amnya merujuk kepada sumber maklumat yang diperolehi daripada pelbagai platform dan berupaya membentuk, mengubah, mahupun mempengaruhi persepsi, sentimen dan pendirian pengundi ke arah proses pembuatan keputusan/pilihan politik. Sesungguhnya, peranan media dalam politik merupakan suatu realiti yang tidak boleh dinafikan. Selain daripada membangkitkan kesedaran dan keterlihatan tentang

agenda, isu, aktor ataupun fenomena politik, media baiknya media tradisional atau media sosial berupaya membentuk dan mempengaruhi pandangan serta naratif politik melalui proses *priming*, *framing* dan *agenda-setting*. Secara spesifik, media memainkan peranan penting dalam politik dengan membentuk *public opinion*, menyediakan platform untuk komunikasi politik dan bertindak sebagai *watchdog* dalam mengawasi mahupun mengimbangi kuasa dan autoriti politik. Ia menyebarkan maklumat mengenai acara politik, dasar dan personaliti, membolehkan rakyat untuk *stay informed* dan terlibat dalam proses demokrasi. Dalam mengawasi dan memerhati tindakan kerajaan, media membantu memastikan kepertanggungjawaban (*accountability*) pegawai awam selain menyumbang kepada ketelusan (*transparency*) dan tadbir urus yang baik (*good governance*). Selain itu, media berupaya mempengaruhi agenda politik dengan memilih isu untuk ditonjolkan sebagai pokok perbincangan di ruang awam.

Dalam konteks pilihan raya, media sangat berpengaruh dalam membentuk persepsi popular terhadap calon, dasar dan isu-isu politik. Melalui liputan mereka, media berupaya mengetengahkan topik atau kontroversi tertentu yang berpotensi mengubah pandangan awam dan tingkah laku pengundi. Dalam era semasa, peranan media sosial seperti *Facebook*, *TikTok*, *WhatsApp*, *X (Twitter)*, *Instagram*, dan *YouTube* membolehkan penyebaran maklumat dengan cepat selain daripada mempertingkatkan interaksi langsung di antara calon dan pengundi. Ia bukan sahaja dapat memperkuatkan mesej kempen politik tetapi turut boleh diperalatkan untuk penyebaran maklumat palsu dan propaganda politik demi mempengaruhi keputusan pilihan raya (Bakker & Vreese, 2011; Dimitrova & Bystrom, 2013).

Peranan media konvensional dan media sosial dalam politik elektoral Malaysia, amnya dan Sabah khususnya merupakan topik kajian yang popular dalam kalangan pemerhati, penganalisis dan pengkaji politik. Malahan banyak litetarur yang telah dihasilkan berkenaan dengan peranan media sosial khususnya dalam mencorakkan trend pengundian terutama sekali dalam kalangan belia semasa beberapa pilihan raya yang lepas (Pepinsky, 2013; Salman et al., 2018; Mohamad, Dauda & Halim, 2018; Abdullah et al. 2021; Loh & Ho, 2021) (sila rujuk komponen “Penggunaan Media” (PM) dalam Rajah 1).

4.8. Governan dan Tadbir Urus

Governan dan Tadbir Urus (*good governance*) merujuk kepada aspek dan isu-isu berkaitan dengan kecekapan mengurus dan mentadbir negara/negeri dengan baik berdasarkan peraturan dan undang-undang yang sedia ada. Ia turut melibatkan keberkesanan sistem penyampaian kerajaan kepada rakyat. Selain daripada Bersih, Cekap dan Amanah, kerajaan yang mengamalkan *good governance* lazimnya bersifat adil, saksama, terbuka dan menjunjung prinsip ketelusan (*transparency*) dan kepertanggungjawaban (*accountability*) dalam melaksanakan amanat yang telah diberikan oleh rakyat.

Tadbir Urus yang baik, yang bercirikan ketelusan, kebertanggungjawaban, dan keberkesanan dalam pentadbiran awam, sering kali mempunyai korelasi yang positif dengan aspirasi politik dan keyakinan rakyat terhadap Kerajaan/pemimpin semasa selain daripada korelasi positif dengan prestasi pilihan raya. Apabila kerajaan menyampaikan perkhidmatan dengan cekap, mengurus sumber dengan bijak dan mapan, dan menegakkan undang-undang, kepuasan awam biasanya meningkat. Kepuasan ini boleh diterjemahkan menjadi sokongan pilihan raya, kerana rakyat lebih cenderung mengundi

penyandang yang mereka anggap kompeten dan boleh dipercayai. Sebaliknya, persepsi rasuah atau ketidakcekapan boleh menyebabkan kekalahan elektoral bagi pihak yang berkuasa kerana pengundi ingin menzahirkan perubahan. Oleh itu, tadbir urus yang baik bukan sahaja menguntungkan rakyat tetapi turut boleh menjamin kelangsungan kuasa dan meningkatkan kestabilan/status quo politik serta prospek pilihan raya bagi entiti yang memerintah.

Seterusnya, ASPIRASI sebagai Pembolehkan Tetap dalam model konseptual dan kerangka analisis KEU18 Sabah merujuk kepada keyakinan dan kecenderungan sokongan mahupun pilihan politik belia kohot Undi18 Sabah terhadap kerajaan/pemimpin semasa (penyandang) di kedua-dua peringkat Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan. Ia juga mewakili harapan, keinginan diri yang kuat dan keyakinan belia Undi18 terhadap kepimpinan serta kerajaan persekutuan/negeri untuk mencapai sesuatu matlamat bersama. Ini termasuklah kefahaman mengenai agenda, dasar, wawasan ataupun gagasan kerajaan semasa seperti Sabah Maju Jaya (SMJ) dan Malaysia MADANI serta keyakinan mereka akan kemampuan pemimpin/kerajaan semasa menterjemah dan menzahirkan hala tuju negeri dan kebangsaan tersebut. Dari segi pengoperasian model konseptual, komponen/konstruk dalam DINAMIKA dan PERSEPSI selaku pembolehkan bebas akan mempengaruhi dan membawa implikasi kepada ASPIRASI politik belia Undi18 Sabah, sama secara standalone ataupun secara kolektif (sila rujuk komponen “Governan dan Tadbir Urus (GTU)” dalam [Rajah 1](#)).

5. Kesimpulan

Makalah ini bermatlamat memperkenalkan suatu model konseptual dan kerangka analisis bagi mengeksplorasi, memahami dan mengenal pasti *dinamika*, *persepsi*, mahupun *aspirasi* kecenderungan politik yang mempengaruhi trend, corak serta pola pengundian Belia kohot “Undi18” di Sabah. Secara spesifik, ia telah mencadangkan pengaplikasian suatu model yang berteraskan kepada beberapa teori/konsep politik dan politik elektoral (*electoral politics*) yang berkait rapat dan saling memperkukuh antara satu sama lain sebagai kerangka analisis. Model tersebut adalah bersandarkan kepada DUA (2) pembolehkan yang mewakili ketiga-tiga objektif kajian, yakni “dinamika”, “persepsi” dan “aspirasi” politik belia Undi18 di Sabah. Pembolehkan “dinamika” dan “persepsi” bertindak sebagai Pembolehkan Bebas (*Independent Variable*) yang merangkumi komponen dan konstruk berteraskan kelompok teori/konsep politik dan politik elektoral yang cenderung mempengaruhi “aspirasi” ataupun keyakinan dan kecenderungan sokongan mahupun pilihan politik belia kohot Undi18 Sabah, yakni Pembolehkan Tetap (*Dependent Variable*) dalam model konseptual tersebut. Pembolehkan Bebas merangkumi lapan (8) konstruk yang lazim dikaitkan dengan politik dan dinamika elektoral Malaysia, iaitu sentimen primordial, semangat kenegerian, hubungan Persekutuan-Negeri, budaya *patron-client*, pembangunan, isu sosio-ekonomi, penggunaan media, governan dan tadbir urus. Pengaplikasian model konseptual dan kerangka analisis ini berkemampuan memahami dan mengenal pasti dinamika, persepsi, mahupun aspirasi politik yang memberi kesan atau mempengaruhi kecenderungan trend, corak, gelombang sentimen serta pola pengundian belia “Undi18” di Sabah.

Kelulusan Etika dan Persetujuan untuk Menyertai Kajian (*Ethics Approval and Consent to Participate*)

Tidak berkenaan.

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Para penulis ingin merakamkan penghargaan kepada Insitute for Development Studies (IDS), Sabah atas geran kerjasama penyelidikan dengan Universiti Malaysia Sabah (UMS) bertajuk “Dinamika, Sentimen, dan Aspirasi Politik Belia Undi18 Sabah” (Kod Geran: LPS2408). Penghargaan turut dizahirkan kepada Kementerian Belia dan Sukan Sabah (KBSS), Majlis Belia Sabah, Dewan Belia Sabah, dan semua responden atas sokongan, bantuan dan kerjasama yang diberikan dalam menjayakan kajian tersebut.

Kewangan (*Funding*)

Kajian dan penerbitan makalah ini telah menerima tajaan berbentuk geran kerjasama penyelidikan di antara IDS dengan UMS bertajuk “Dinamika, Sentimen, dan Aspirasi Politik Belia Undi18 Sabah” (Kod Geran: LPS2408).

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interest*)

Para penulis tidak mempunyai konflik kepentingan dengan mana-mana pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam pelaksanaan kajian dan penerbitan makalah ini.

Rujukan

- Abdullah, N. H., Hassan, I., Ahmad, M. F., Hassan, N. A., & Ismail, M. M. (2021). Social Media, Youths and Political Participation in Malaysia: A Review of Literature. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 11(4), 845-857.
- Ahmad, Z. & Mohd Zain. (2021). Political Involvement among Youth in Malaysia: Lessons Learnt. *International Journal of Media and Communication Research*, 2(1), 11-22. <https://doi.org/10.25299/ijmcr.v2i1.6122>.
- Alin, J. & Malasius, M. (2021). Chapter 3 - The Unemployment Problem during the Warisan Plus Administration. In B. Welsh, V. Somiah, B. Loh (Eds.). *Sabah from the Ground: The 2020 Elections and the Politics of Survival* (pp. 61-82). Strategic Information and Research Development Centre.
- Allahar, A. L. (1996). Primordialism and Ethnic Political Mobilization in Modern Society. *New Community*, (22)1, 5-22.
- Azahar, K. (2022, October 25). Special Report - GE15: Young voters will make an impact —only if they are politically aware. *The Edge*. <https://theedgemaalaysia.com/article/special-report-ge15-young-voters-will-make-impact-%E2%80%94only-if-they-are-politically-aware>
- Aziz, A. A. A. (2023). Beyond Undi18, youth empowerment in Malaysia now needs electoral system reform. *The Round Table*, 112(3), 341-342. <https://doi.org/10.1080/00358533.2023.2219532>.
- Bakker, T. P. & De Vreese, C. H. (2011). Good news for the future? Young people, Internet use, and political participation. *Communication Research*, 38(4), 451-470.
- Bednar, J. (2011). The Political Science of Federalism. *Annual Review of Law and Social Science*, 7, 269-288. <https://doi.org/10.1146/annurev-lawsocsci-102510-105522>.
- Bernama. (2024, Mei 16). Isu Hak 40 Peratus Hasil Sabah: mahkamah Tangguhkan Keputusan Rayuan Kerajaan. *Bernama*. <https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2298544>.

- Chai, J. (2022, August 4). Malaysia's GE15: Not All Youth Votes Are Equal. *Fulcrum: Analysis on Southeast Asia*, 2022/232. <https://fulcrum.sg/malaysias-ge15-not-all-youth-votes-are-equal/#:~:text=While%20these%20seats%20are%20generally,seats%2C%20the%20contrast%20is%20stark.>
- Chan, T. S. (2021). Chapter 1 - Warisan Plus in Government: A Retrospective from the Campaign and Beyond. In B. Welsh, V. Somiah, B. Loh (Eds.). *Sabah from the Ground: The 2020 Elections and the Politics of Survival* (pp. 21-38). Strategic Information and Research Development Centre.
- Chhibber, P. (2013). Dynastic parties Organization, finance and impact. *Party Politics*, 19(2), 277-295. <https://doi.org/10.1177/1354068811406995.S2CID144781444>.
- Chin, J. (1994). Sabah State Election of 1994: End of Kadazan Unity. *Asian Survey*, 34, 904-915.
- Chin, J. (1997). Politics of Federal Intervention in Malaysia, With Reference to Sarawak, Sabah and Kelantan. *The Journal of Commonwealth & Comparative Politics*, 35(2), 96-120.
- Chin, J. (1999). Going East: UMNO's Entry Into Sabah Politics. *Asian Journal of Political Science*, 7, 20-40.
- Chin, J. (2014). MALAYSIA IN 2013: Najib's Pyrrhic Victory and the Demise of 1Malaysia. *Southeast Asian Affairs*, 175-189. <http://www.jstor.org/stable/44112072>.
- Chin, J. (2023) Anwar's long walk to power: the 2022 Malaysian general elections, *The Round Table*, 112(1), 1-13. <https://doi.org/10.1080/00358533.2023.2165303>.
- Chin, J. & Puyok, A. (2010). Going Against the Tide: Sabah and the 2008 Malaysian General Elections. *Asian Politics and Policy*, 2(2), 219-325.
- Chong, R. (2022, October 18). Young people in Sabah still politically blind, won't care to vote: youth council. *TheVibes.com*. <https://www.thevibes.com/articles/news/74499/youths-awareness-still-low-they-wont-care-to-vote-sabah-youth-council>.
- Crouch, H. (1996). *Government and Society in Malaysia*. Cornell University Press.
- Daily Express. (2022, March 26). 485,939 new voters aged 18 in Sabah. *Daily Express*. <https://www.dailyexpress.com.my/news/189504/485-939-new-voters-aged-18-in-sabah/>.
- Deviyati, A. (2023). PAS's decades of hard work paid off with the Green Wave in Malaysia's GE15. *The Round Table*, 112(3), 339-340. <https://doi.org/10.1080/00358533.2023.2219531>.
- Dimitrova, D. V. & Bystrom, D. (2013). The effects of social media on political participation and candidate image evaluations in the 2012 Iowa caucuses. *American Behavioral Scientist*, 57(11), 1568-1583.
- Dollah, R., Sakke, N., Wan Hassan, W. S., Omar, M. A. & Jafar A. (2018). Peranan Belia dan PRU-14 Di Sabah: Kajian Kes di P.188 Silam. *Jurnal Kinabalu*, Edisi Khas, 319-349.
- Dzukify, D. (2022, October 20). Youth voters form 50% of GE15 electoral roll: EC. *TheVibes.com*. <https://www.thevibes.com/articles/news/74747/youth-voters-form-50-of-ge15-electoral-roll-ec>.
- Embong, A. R. (2008). Chapter 2. Developmentalist State in Malaysia: Its Origins, Nature, and Contemporary Transformation. In J. M. Nelson, Meerman, J. Embong, A. R. (Eds.). *Globalization and National Autonomy: The Experience of Malaysia* (pp. 27-58). Institute of Southeast Asian Studies (ISEAS) Publishing.
- Fong, B. C. H. & Ichijo, A. (2022). *The Routledge Handbook of Comparative Territorial Autonomies*. Routledge.
- Funston, N. J (1980). *Malay Politics in Malaysia: A Study of the United Malays National Organisation and Party Islam*. Heinemann Educational Books (Asia).

- Geertz, C. (1973). *The Interpretation of Cultures*. Basic Books.
- Gomez, E. T. & Jomo, K. S. (1997). *Malaysia's Political Economy: Politics, Patronage and Profits*. Cambridge University Press.
- Govindasamy, A. R. (2020). The Sabah State Election: A Narrow Win and Precarious Mandate for the New Government. *Perspective, 2020*, Number 133. Yusuf Ishak Institute of Southeast Asian Studies (ISEAS).
- Govindasamy, A. R. & Lai, Y. M. (2014). Kota Kinabalu, Sabah: BN Loses Its 'Fixed Deposit'. In M. L. Weiss (Ed.). *Electoral Dynamics in Malaysia: Findings from the Grassroots* (pp. 209-222). Strategic Information and Research Development Centre (SIRD) and Institute of Southeast Asian Studies (ISEAS).
- Govindasamy, A. R. & Lai, Y. M. (2018). GE14: The Urban Voting Pattern in P172 Kota Kinabalu and P186 Sandakan, Sabah. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategy, 45*(2), 298-318.
- Han, S. F. (1979). A Constitutional Coup d'Etat: An Analysis of the Birth and Victory of the BERJAYA Party in Sabah, Malaysia. *Asian Survey, 19*, 379-389.
- Hazis, F. S. (2015). Patronage, power and prowess: Barisan Nasional's equilibrium dominance in East Malaysia. *Kajian Malaysia, 33*(2), 1-24.
- Hilley, J. (2001). *Malaysia: Mahathirism, Hegemony and the New Opposition*. Zed Books.
- Hobsbawm, E. & Ranger, T. (1983). *The Invention of Tradition*. Cambridge University Press.
- Hutchcroft, P. (2014). Linking Capital and Countryside: Patronage and Clientelism in Japan, Thailand, and the Philippines. In Brun, D. A. & Diamond, L. (Eds.). *Clientelism, Social Policy, and the Quality of Democracy* (pp. 174-203). John Hopkins University Press.
- Hutchinson, F. & Lee, H. A. (ed.). (2019). *The Defeat of Barisan Nasional: Missed Signs or Late Surge?* Yusuf Ishak Institute of Southeast Asian Studies (ISEAS).
- Ismail, M. M., Adnan, Z. H. & Ishak, M. S. (2023). Kecenderungan Pengundi baharu dalam pilihan raya umum ke-15. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies, 50*(2), 224-240. <https://doi.org/10.17576/jebat.2023.5002.08>.
- Jafar, A., Othman, Z., Sakke, N., Dollah, R., Joko, E. P. & Abdul Rahim, M. S. (2021). Understanding youth political demand based on demographic patterns in Malaysia: An overview of parochialism and development in the Sabah state election 2020. *Journal of Legal, Ethical and Regulatory Issues, 24* (Special Issue 1), 213-230. <https://www.researchgate.net/publication/353972367>.
- Jesselton Times. (2024, March 27). Young voters could be the next Sabah election's kingmakers. *Jesselton Times*. <https://jesseltontimes.com/2024/03/27/young-voters-could-be-the-next-sabah-elections-kingmakers/>.
- Johnson, S. & Mitton, T. (2001). Cronyism and Capital Controls: Evidence from Malaysia. *NBER Working Paper Series*, Working Paper 8521. National Bureau of Economic Research.
- Jomo, K. S. (1996). *Malaysia's Economic Development*. Pelanduk Publication.
- Kalimuthu, K. R. (1986). The Sabah State Elections of April 1985. *Asian Survey, 26*, 815-837.
- Kasmani, F. (2023). Undi 18: Understanding the political participation of first-time Malay voters through social media. *Journal of Media and Communication Research. Special Issue: SEARCH 2022 Conference*, 33-48.
- Kathirasan, A. (2022, November 21). 5 reasons for the GE15 green wave. *Free Malaysia Today*. <https://www.freemalaysiatoday.com/category/opinion/2022/11/21/5-reasons-for-the-ge15-green-wave/>.
- Khalid, M. A. (2014). *The Colours of Inequality: Ethnicity, Class, Income and Wealth in Malaysia*. MPH Group Publishing.

- Khatri, N., Tsang, E. W. K., & Begley, T. M. (2006). Cronyism: A Cross-Cultural Analysis. *Journal of International Business Studies*, 37(1), 61–75. <https://doi.org/10.1057/palgrave.jibs.8400171>.
- Lai, Y. M. (2002). *The 1999 Sabah State Elections: A Vote for Continuity, Change and Development*. Universiti Malaysia Sabah.
- Lai, Y. M. (2015). Malaysia's security concerns: a contemporary assessment. In M. L. Weiss (Ed.), *Routledge Handbook of Contemporary Malaysia* (pp.391-402). Routledge.
- Lai, Y. M. (2022). Sabah: Autonomy and Integration within the Malaysian Federation. In B. C. H. Fong & Ichijo, A. (Eds.). *The Routledge Handbook of Comparative Territorial Autonomies* (pp. 273-284), Routledge.
- Lee, M. H. (2022). *Malaysia GE15: Low political literacy and indecisiveness limit youth votes*. Institute of Strategic and International Studies (ISIS) Malaysia. <https://www.isis.org.my/2022/11/14/malaysia-ge15-low-political-literacy-and-indecisiveness-limit-youth-votes/>
- Leigh, M. B (1988). *The Rising Moon: Political Change in Sarawak*, Sydney University Press.
- Lim, I. (2021, December 8). Law Minister: With Undi18, Malaysia to have 5.8 million new voters; total to leap from 15.8 million to 21.1 million. *Malay Mail*. <https://www.malaymail.com/news/malaysia/2021/12/08/law-minister-with-undi18-malaysia-to-have-5.8-million-new-voters-total-to-1/2026978>
- Loh, B. L. & Ho, Y. J. (2021). Chapter 8 - 'Don't Jump, Time to Work': Political maturity of Sabah Digital Spaces through the 2020 State Elections. In B. Welsh, V. Somiah & B. Loh (Eds.). *Sabah from the Ground: The 2020 Elections and the Politics of Survival* (pp. 167-189). Strategic Information and Research Development Centre.
- Loh, F. K. W. (2003). Electoral Politics in Sabah, 1999: Gerrymandering, "Phantoms", and the 3Ms. In K. W. Loh, & J. Saravanamuttu. (Eds.), *New Politics In Malaysia* (pp. 228-252). Institute of Southeast Asian Studies.
- Loh, F. K. W. (2009). *Old vs New Politics in Malaysia: State and Society in Transition*. Strategic Information and Research Development Centre.
- Loh, K. W. (1987). Politik Kadazan dan Asal-Usul Kemunculan Parti Bersatu Sabah Pada Tahun 1980-an. *Kajian Malaysia: Journal of Malaysian Studies*, 9, 88-124.
- MalaysiaKini. (2023, July 20). GE15: Was The 'Green Wave' Powered By Young Voters? *MalaysiaKini*. <https://newslab.malaysiakini.com/greenwave-generational-gap/en/>.
- Marzuki, M., Mozihim, A. K. & Roslan, F. (2021). Undi Sabah: Igniting Youth Participation in Sabah's Democracy. In Welsh, B., Somiah, V. & Loh, B. (eds). (2021). *Sabah from the Ground: The 2020 Elections and the Politics of Survival*. Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre.
- Mauzy, D. K. (1983). *Barisan Nasional: Coalition Government in Malaysia*. Marican & Sons.
- Mauzy, D. K. & Milne, R. S. (1999). *Malaysian Politics under Mahathir*. Routledge.
- Md Razali, N. S. and Muhamad, R. (2022). Penyertaan Politik dalam kalangan Belia dengan Menggunakan Media Sosial. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(12), p. e002019. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i12.2019>.
- Mersat, I. N. (1999). Sabah and Sarawak in the 10 Malaysian General Election: Issues and Voting Pattern. *Borneo Review*, 10, 111-139.
- Milne, R. S. (1964). Malaysia. *Asian Survey*, 4(2), 695–701. <https://doi.org/10.2307/3023577>
- Milne, R. S. (1973). Patrons, Clients and Ethnicity: The Case of Sarawak and Sabah in Malaysia. *Asian Survey*, 13, 891-908.
- Milne, R. S. (1983). *Barisan Nasional. Coalition Government in Malaysia*. Kuala Lumpur: Marican & Sons.

- Milne, R. S., & Ratnam, K. J. (1974) *Malaysia – New States in a New Nation: Political Development of Sarawak and Sabah in Malaysia*. Routledge.
- Mohd Basori, N. E. & Awang Besar, J. (2020) Politik Belia dan Pilihan Raya Umum ke-14 di Malaysia. *e-BANGI: Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 17(7), 49-65. <https://ejournal.ukm.my/ebangi/article/view/41589>.
- Mohd Hed, N., & Grasso, M. T. (2020). Age group differences in political activism in Malaysia. *Journal of Youth Studies*, 23(6), 765–779.
- Mohd Nizah, M. A. & Abu Bakar, A. R. (2022). UNDI 18 dinamika politik dan keselamatan negara: Analisa daripada pilihan raya negeri Johor 2022. *Journal of Public Security and Safety*, 14(2), 1-16.
- Mohamad, B., Dauda, S. A., & Halim, H. (2018). Youth offline political participation: Trends and role of social media. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 34(3), 192–207.
- Muslim, N. (2023, August 11). Analysis: Young Voters Helped 'Green Wave' at Ge15 But Will They Show Up Again? *Bernama*. <https://www.bernama.com/en/bfokus/news.php?analysis&id=2215285>
- Nadzri, M. M. N. (2018). The 14th General Election, the Fall of Barisan Nasional, and Political Development in Malaysia, 1957-2018. *Journal of Current Southeast Asian Affairs*, 37(3), 139-171. <https://doi.org/10.1177/186810341803700307>
- Nadzri, M. M. N., & Azlan, A. A. (2023). UMNO in GE15: factionalism and its effects. *The Round Table*, 112(3), 273–285. <https://doi.org/10.1080/00358533.2023.2219536>.
- New Straits Times. (2022, September 22). Sabah Youth Council to engage 10,000 youth in simulated elections, state assembly sitting. *New Straits Times*. <https://www.nst.com.my/news/nation/2023/09/959461/sabah-youth-council-engage-10000-youth-simulated-elections-state-assembly>.
- Ongkili, J. F. (1992). A History of the Development of Federalism in Southeast Asia: The Malaysian Case, 1985-1990. *Asian Perspective*, 16(2), 155–179. <http://www.jstor.org/stable/42703999>.
- Ostwald, K. (2024). The Power of a Vote in Malaysia: Malapportionment Under UNDI18, AVR, and MA63. *ISEAS Perspective*, Number 30. Yusof Ishak Institute of Southeast Asian Studies (ISEAS).
- Pepinsky, T. B. (2013). The new media and Malaysian politics in historical perspective. *Contemporary Southeast Asia*, 35(1), 83-103.
- Puyok, A. & Bagang, T. P. (2011). Ethnicity, Culture and Indigenous Leadership in Modern Politics: The Case of the Kadazandusun in Sabah, East Malaysia. *Kajian Malaysia: Journal of Malaysian Studies*, 29(1), 177-197.
- Puyok, A., & Sukhani, P. R. (2020). Sabah: breakthrough in the fixed deposit state. *The Round Table*, 109(2), 209–224. <https://doi.org/10.1080/00358533.2020.1741888>
- Salman, A., Yusoff, M. A., Salleh, M. A., & Abdullah, M. Y. (2018). Penggunaan media sosial untuk sokongan politik di Malaysia. *Journal of Nusantara Studies* 3(1), 51-63. doi:10.24200/jonus.vol3iss1
- Samad, J. A. (2021). The 1963 Malaysia Agreement: Pakatan's failed restoration and Perikatan's fledgling initiatives. In B. Welsh, V. Somiah & B. Loh (Eds.). *Sabah from the Ground: The 2020 Elections and the Politics of Survival* (pp.39-60. Strategic Information and Research Development Centre.
- Santos, J. (2022, October 28). Young generation can influence election outcome: Sabah Youth Council. *TheVibes.com*. <https://www.thevibes.com/articles/news/75473/young-voters-can-influence-election-outcome-sabah-youth-council>.
- Shefter, M. (1994). *Political Parties and the State: The American Historical Experience*. Princeton University Press.

- Shils, E. (1957). Primordial, Personal, Sacred and Civil Ties. *British Journal of Sociology*, 8(2), 130-145.
- Shils, E. (1968). Color, the Universal Intellectual Community, and the Afro-Asian Intellectual. In J. H. Franklin. (Ed.). *Color and Race* (pp. 1-17). Houghton Mifflin.
- Sinar Harian. (2022, Oktober 22). Lebih sejuta belia usia 18 hingga 20 tahun mengundi kali pertama. *Sinar Harian*.
<https://www.sinarharian.com.my/article/226836/berita/nasional/lebih-sejuta-belia-usia-18-hingga-20-tahun-mengundi-kali-pertama>.
- Skoric, M. M. & Poor, N. (2013). Youth engagement in Singapore: The interplay of social and traditional media. *Journal of Broadcasting & Electronic Media*, 57(2), 187–204.
- Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). (2020, November 15). *Wang Politik dan Politik Wang*. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).
https://www.sprm.gov.my/admin/uploads_publication/wang-politik-dan-politik-wang-jurnal-my-15112020.pdf.
- Tangit, T. (2021). Chapter 6 - Sabah's Youth Talk Politics: Ethnic Identity, Illegal Migrants and Religious Freedom. In B. Welsh, V. Somiah & B. Loh (Eds.). *Sabah from the Ground: The 2020 Elections and the Politics of Survival* (pp. 133-150). Strategic Information and Research Development Centre.
- The Star. (2022a, January 22). Undi18 a wild card with young new voters. *The Star*.
<https://www.thestar.com.my/news/nation/2022/01/19/undi18-a-wild-card-with-young-new-voters>.
- The Star. (2022b, December 9). A dire need for political literacy. *The Star*.
<https://www.thestar.com.my/news/nation/2022/12/09/a-dire-need-for-political-literacy>.
- The Star. (2022c, November 17). GE15: Young voters in Sabah likely to pick people-friendly candidates, says state youth council. *The Star*.
<https://www.thestar.com.my/news/nation/2022/11/17/ge15-young-voters-in-sabah-likely-to-pick-people-friendly-candidates-says-state-youth-council>
- The Star. (2022d, November 13). GE15: Youth in Sabah excited to vote, learning importance of their ballot. *The Star*.
<https://www.thestar.com.my/news/nation/2022/11/13/ge15-youth-in-sabah-excited-to-vote-learning-importance-of-their-ballot>.
- The Straits Times. (2022, December 9). Almost 90% of young Malaysian voters unaware of current political developments: Survey. *The Straits Times*.
<https://www.straitstimes.com/asia/se-asia/almost-90-of-young-voters-unaware-of-current-political-developments-malaysian-survey>.
- Utusan Malaysia. (2023, Julai 25). MA63: Setahun tempoh selesai isu 40 peratus hasil Sabah. *Utusan Malaysia*.
<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/07/1131005/ma63-setahun-tempoh-selesai-isu-40-peratus-hasil-sabah>.
- Vasil, R. K. (1965). The 1964 General Elections in Malaya. *International Studies*, 7(1), 20-65. <https://doi.org/10.1177/002088176500700102>.
- Weiss, M. L. (2013). Malaysia's 13th General Elections: Same Result, Different Outcome. *Asian Survey*, 53(6), 1135–1158. <https://doi.org/10.1525/as.2013.53.6.1135>.
- Weiss, M. L. (2014). *Electoral Dynamics in Malaysia: Findings from the Grassroots*. Strategic Information Research Development Centre.
- Welsh, B. (2023, March 23). GE15 voting analysis – Part 6: A Sabah mix. *Bridgetwelsh.com*.
<https://bridgetwelsh.com/articles/ge15-voting-analysis-part-6-a-sabah-mix/>
- Welsh, B., Somiah, V. & Loh, B.. (2021a). *Sabah from the Ground: The 2020 Elections and the Politics of Survival*. Strategic Information and Research Development Centre.

- Welsh, B., Somiah, V. & Loh, B. (2021b). Introduction - Sabah Goes to the Polls. In B. Welsh, V. Somiah & B. Loh (Eds.). *Sabah from the Ground: The 2020 Elections and the Politics of Survival* (pp. 1-20). Strategic Information and Research Development Centre.
- Wheare, K. (1946). *Federal Government*. Oxford University Press.
- Wong, C. H. (2023). Introduction: Hung parliament, coalition government and the rise of the Islamists – Malaysia after the 2022 election. *The Round Table*, 112(3), 207–212. <https://doi.org/10.1080/00358533.2023.2219522>.
- Woo-Cumings, M. (1999). *The Developmental State* (1st edition). Cornell University Press.
- Wylde, C. (2017). *Emerging Markets and The State: Developmentalism in the 21st Century*. Palgrave Macmillan.
- Yaakub, M. T., Mohd Kamil, N. L. & Wan Mohamad Nordin, W. N. A.. (2023). Youth and political participation: What factors influence them? *Institutions and Economies*. 15(2), 87-114. <https://doi.org/10.22452/IJIE.vol15no2.4>
- Yusoff, M. A. (2000). "The Politics of Centre-State Relations: The Sabah Experience Under The Ruling Opposition Parti Bersatu Sabah (PBS) Government. In M. Leigh (Ed.), *Borneo 2002. Proceedings of the Sixth Biennial Borneo Research Conference* (pp.513-546). IEAS,UNIMAS, Kuching.